

18/02/2000

Tindakan AS tiada kesan kepada pelaburan petroleum

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan Amerika Syarikat mengenakan sekatan ke atas operasi sebuah syarikat minyak di Sudan, tidak menyekat Malaysia daripada melabur dalam sektor petroleum di luar negara.

Perdana Menteri berkata, tindakan Amerika Syarikat ke atas syarikat minyak di Sudan yang Petronas turut memiliki ekuitinya, adalah tindakan unilateral.

"Syarikat Malaysia berhak beroperasi di mana saja," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas sama ada tindakan itu akan menjejaskan kedudukan Petronas yang mempunyai ekuiti di dalam projek cari gali minyak yang sama di negara berkenaan.

Amerika Syarikat dilaporkan mungkin mengenakan sekatan dagangan terhadap China National Petroleum Corp (CNPC) yang menjalankan projek cari gali minyak melalui sebuah konsortium, Greater Nile Operating Co, yang turut disertai oleh Petronas.

Sekatan itu adalah lanjutan daripada sekatan dagangan pada 1997 yang dikenakan terhadap mana-mana syarikat Amerika Syarikat yang bekerjasama dengan Sudan kerana membantah perang saudara di negara itu.

Petronas memegang 30 peratus ekuiti di dalam konsortium terbabit manakala CNPC menguasai kepentingan 40 peratus, State Petroleum Corporation (anak syarikat Arakis Energy dari Kanada) 25 peratus dan baki lima peratus pegangan Sudapet Ltd dari Sudan.

Konsortium itu terbabit dalam projek pembangunan minyak Lembangan Muglad di Sudan.

Dr Mahathir bagaimanapun tidak menolak kemungkinan tindakan Amerika Syarikat itu boleh menjejaskan operasi Petronas.

"Apa kita boleh buat. Mereka ada kuasa. Kita tidak ada kuasa langsung," katanya.

Dr Mahathir berkata sebarang tindakan oleh Amerika Syarikat akan menjejaskan industri minyak kerana ketika dunia memerlukan minyak yang banyak sekarang, sekatan hanya akan meningkatkan harga dan mengurangkan bekalan.

Mengenai dakwaan pemberian rasuah oleh Mitsui & Co Ltd kepada Telekom Malaysia bagi mendapatkan kontrak syarikat tempatan itu, Dr Mahathir berkata Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan menyiasatnya.

"Kita hendak tahu juga siapa yang dapat duit sebanyak 300 juta yen (RM10.6 juta) itu," kata Dr Mahathir.

Mitsui didakwa memberikan sogokan bagi mendapat kontrak pembekalan papan kekunci kepada Telekom Malaysia pada 1996.

(END)